

## KOSA KATA DAN UNGKAPAN MENARIK DALAM PENULISAN KARANGAN

### KOSA KATA DAN UNGKAPAN MENARIK

1. *Penyakit datang dari perut-Nabi Muhammad S..A.W.*

*Jangan kamu makan, melainkan kamu lapar. dan bila kamu makan jangan sampai kenyang. Bila kamu makan pastikan satu pertiga untuk makanan dan satu pertiga untuk pernafasan.*

2. Hanya yang terbaik akan menang!-pepatah inggeris

3. Pisau tersarung dalam senyuman", kunci utamanya ialah kaedah untuk mendapatkan kepercayaan pihak musuh supaya mereka tidak lagi berwaspada terhadap tindak-tanduk kita. Kemudian, barulah kita boleh bertindak terhadap pihak musuh yang tindak mempunyai persediaan.

4. Man jadda wa jada ialah sebuah

> pepatah arab yang maksudnya dalam bahasa melayu ialah "siapa yang  
> berusaha, dia akan berjaya". Sememangnya sesiapa sahaja yang melakukan  
> sesuatu, hendaklah dengan bersungguh-sungguh, dan insyaallah kejayaan  
> menjadi hasilnya.

5. Pepatah Arab mengatakan; sabar itu ,anak kunci kejayaan

6. Kalau hidup ingin merdeka

Tiada tercapai hanya berkata

Ke muka maju sekata, maju kita

Melemparkan jauh jiwa hamba-usman awang

7. Kecantikan yang abadi terletak pada keelokan adab dan ketinggian ilmu seseorang, bukan terletak pada wajah dan pakaiannya-Hamka

8. Akhlak yang buruk merosakkan amal, seperti cuka merosakkan madu—sabda Rasulullah S.A.W

9. Jadilah seperti pohon kayu yang lebat buahnya, tumbuh ditepi jalan. dilempar buahnya dengan batu, tetapi tetap dibalas dengan buah-Saidina Abu Bakar As-Siddiq

10. Ilmu itu lebih baik daripada harta. Ilmu menjaga kau dan engkau menjaga harta. Harta itu kurang apabiladibelanjakan tetapi Ilmu bertambah apabila dibelanjakan-Saidaina Ali bin Abi Talib

11. Menyimpang seinci, rugi seribu batu-Pepatah Cina

12. Kejayaan tidak datang kepada manusia yang leka-Charles Cahier

13. Adab dan sopan itu lebih penting daripada makan dan minum-**Aristotle**

**14.** Kata-kata yang lemah dan beradab dapat melembutkan hati dan manusia yang keras. –**Hamka**

**15.** Bertambah kuat kepercayaan kepada agama, bertambah tinggi darjatnya di dalam pergaulan hidup, dan bertambah naik tingkahlaku dan akal budinya.-**Hamka**

**16.** Pergaulan mempengaruhi didikan otak.Oleh itu, untuk kebersihan jiwa hendaklah bergaul dengan oarang-orang beradab dan berbudi mulia yang dapat kita kutip manfaatnya.

**-Hamka**

17.Sifat utama pemimpin ialah beradab dan mulia hati.-**Imam Al-Ghazali**

**18..** Sesungguhnya orang yang termasuk orang yang baik-baik ialah orang yang paling baik akhlak dan adab sopannya.-**Maksud hadis**

19. **Alexander** Graham Bell -Genius adalah 1 % inspirasi dan 99 % keringat

20. Sajak Usman Awang:

Berburu ke padang datar

Dapat rusa belang kaki

Berguru kepala ajar

Ibarat bunga kembang tak jadi

(dedikasi kepada Hari Guru dan guruku tercinta)

Dialah pemberi paling setia

Tiap akar ilmu miliknya

Pelita dan lampu segala

Untuk manusia sebelum jadi dewasa.

Dialah ibu dialah bapa juga sahabat

Alur kesetiaan mengalirkan nasihat

Pemimpin yang ditauliahkan segala umat

Seribu tahun katanya menjadi hikmat.

Jika hari ini seorang Perdana Menteri berkuasa

Jika hari ini seorang Raja menaiki takhta

Jika hari ini seorang Presiden sebuah negara

Jika hari ini seorang ulama yang mulia  
Jika hari ini seorang peguam menang bicara  
Jika hari ini seorang penulis terkemuka  
Jika hari ini siapa sahaja menjadi dewasa;  
Sejarahnya dimulakan oleh seorang guru biasa  
Dengan lembut sabarnya mengajar tulis-baca.  
Di mana-mana dia berdiri di muka muridnya  
Di sebuah sekolah mewah di Ibu Kota  
Di bangunan tua sekolah Hulu Terengganu  
Dia adalah guru mewakili seribu buku;  
Semakin terpencil duduknya di ceruk desa  
Semakin bererti tugasnya kepada negara.  
Jadilah apa pun pada akhir kehidupanmu, guruku  
Budi yang diapungkan di dulangi ilmu  
Panggilan keramat 'cikgu' kekal terpahat  
Menjadi kenangan ke akhir hayat.

21. **Kebahagiaan terletak pada kemenangan memerangi hawa nafsu dan menahan kehendak yang berlebih-lebihan. ( Imam Al-Ghazali**

22. Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa. (pepatah Melayu)

23. Bahasa tidak boleh dijual beli. (peribahasa).

24. Buat baik kepada-pada,buat jahat jangan sekali. (peribahasa)

25.Sifat baik ialah tidak pernah putus- asa dan tidak pernah gentar. (Marsekal Foch).

26 .Kalau kail panjang sejengkal ,jangan lautan hendak diduga. (peribahasa Melayu)

27. Kalau kamu tua,beri nasihat dan jika kamu muda,terimalah nasihat.(peribahasa China).

28. Kalau engkau disuruh pilih,tentu engkau memilih.(peribahasa Arab).
29. Kalau takut mati jangan hidup.(Mahatma Gandhi).
30. Bercita-cita tanpa usaha bukan cita-cita tapi angan-angan.-pepatah
31. Orang yang mempunyai cita-cita selalu memperoleh kemajuan di dalam hidupnya.
- 32.Cita-cita membuatkan manusia mengharapkan sesuatu yang lebih sempurna.
33. Masa itu umpama pedang.Jika kamu tidak menggunakannya,masa akan memancung kamu.
34. Bertannguh itu pencuri masa(peribahasa Arab)
- 35.Masa itu umpama air pasang surut,tiada siapa yang dapat menahannya.
36. *Orang yang berakal tetapi tidak mempunyai adab, seumpama pahlawan yang tiada senjata.*
37. Pena lebih berkuasa daripada pedang."-sukarno
38. **"Berikan kepadaku sepuluh orang pemuda, akan aku bikin sebuah gunung berpindah."** Kalimat itu merupakan retorika Bung Karno yang menggambarkan dahsyatnya potensi pemuda
- 39.Pepatah Inggeris ada menyebut, 'kita adalah apa yang kita makan'.
40. kita adalah apa yang kita makan' sama seperti yang Nabi Muhammad SAW sebut. Penyakit datang dari perut, yang bermaksud jika kita tidak mengawal makan minum, kita terdedah kepada penyakit.
- 41.Nabi berpesan, 'jangan kamu makan melainkan kamu lapar dan bila kamu makan, jangan sampai kenyang'.
- 42.Di mana ada kemahuan di situ ada jalan (pepatah)
- 43.Lintah darat (simpulan bahasa)
44. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh (ungkapan semasa)
- 45.Bagai aur dengan tebing (perumpamaan)
- 46.Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri (pepatah)
- 47.Jauh perjalanan luas pengalaman (pepatah)
- 48.Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing (pepatah)
- 49.Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah (pepatah)
- 50.Bukit sama didaki, lurah sama dituruni (bidalan)
- 51.Kacang lupakan kulit (simpulan bahasa)

52. Di mana bumi dipijak, di situlah langit dijunjung (pepatah)
53. Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak
54. Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua (perumpamaan)
55. Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian
56. Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya (pepatah)
57. Rajin dan usaha tangga kejayaan
58. Peluang keemasan (simpulan bahasa)
59. Yang bulat tidak akan datang menggolek, yang pipih tidak datang melayang (pepatah)
60. Sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit (bidalan)
61. Bak cendawan tumbuh selepas hujan (perumpamaan)
62. Memerah otak (simpulan bahasa)
63. Mencari jalan (simpulan bahasa)
64. Bulat air kerana pemetung, bulat kata kerana muafakat (pepatah)
65. Biar mati anak, jangan mati adat (bidalan)
66. Sediakan payung sebelum hujan (bidalan)
67. Tulang belakang
68. Genggam bara api biar sampai jadi arang
69. Melentur buluh biarlah dari rebungunya
70. Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi
71. Seperti lembu dicucuk hidung
72. Dayung sudah di tangan, perahu sudah di air
73. Tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas
74. Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai
75. Indah khabar daripada rupa
76. Yang kita kejar tak dapat, yang kita kendong pula berciciran
77. Sudah terang lagi bersuluh
78. Duri dalam daging
79. Akar umbi
80. Api dalam sekam
81. Tepuk dada tanya selera
82. Jika tiada angin masakan pokok bergoyang
83. Bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing

84. Pepatah Arab pula menyebut **mendidik anak** ketika **kecil umpama** mengukir di atas batu, **mendidik** ketika **anak** dewasa mengukir di atas air.

85. anak umpama kain putih, ibu bapa adalah pencoraknya

86. bapa borek anak rintik

87. bagaimana acuan begitulah kuihnya

88. bagaimana contoh begitulah gubahannya

89. bagaimana ditanam, begitulah dituai

90. bagaimana rupa begitulah bayangnya

91. Rasulullah S.A.W pernah bersabda bermaksud;

"Setiap anak dilahirkan secara fitrah, kedua-dua ibu bapanya yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi." (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

92. Firman Allah dalam surah Al-'Alaq ayat 1-5:

Maksudnya: 'Bacalah (Wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan sekalian makhluk, Dia menciptakan manusia daripada sebuku darah beku, bacalah dan Tuhanmu yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.

-wahyu yang pertama ini adalah perintah Allah yang dituju kepada nabi Muhammad SAW dan umat manusia seluruhnya. Ayat ini menunjukkan bahawa membaca, menulis dan mencari ilmu pengetahuan adalah kewajipan yang wajib dilaksanakannya

93. Membaca jambatan ilmu

94. Bangsa membaca bangsa Berjaya

95. "Ciri orang yang beradab ialah dia sangat rajin dan suka belajar, dia tidak malu belajar daripada orang yang berkedudukan lebih rendah darinya" ~ Confucius

96. **PEPATAH** Cina ada menyatakan bahawa yang menggerakkan tubuh badan bukanlah kaki tetapi sebenarnya minda dan fikiran.

97. **PEMIKIR** tersohor, Descartes menekankan bahawa membaca buku bermutu itu ibarat 'berdialog' dengan orang-orang hebat atau pemikir-pemikir besar. Bahkan, buku dapat mempertemukan dan menghubungkan dunia masa silam dengan dunia pembaca masa ini.

98. Tahukah anda berapa judul buku yang menyaksikan matahari setiap hari? Setiap 30 saat, setiap hari, sekitar 4000 buku baru diterbitkan di seluruh dunia. Ini bermakna, pada setiap

tahun, sekitar 1.5 juta judul baru menemui pembaca. Sejak mesin Gutenberg dicipta pada 1450, sebanyak 50 juta judul buku telah diterbitkan di planet bumi. Oleh itu, jika anda berhasrat untuk membaca semua buku itu, anda perlu hidup 250,000 tahun! Malah, kalau pun anda hanya membaca judulnya sahaja, anda memerlukan masa selama 15 tahun!

99. Erasmus Mundus, seorang tokoh akademik terkenal pernah berkata, “When I have money, I buy books. If any is left, I buy food.”.

100. Apabila mati seseorang anak Adam, terputuslah amalannya kecuali tiga perkara, sedekah jariah, ilmu yang diambil orang manfaatnya dan anak yang soleh mendoakannya.- Maksud hadis

101. Bertanggung itu pencuri masa (peribahasa Arab)

102. Masa itu umpama air pasang surut, tiada siapa yang dapat menahannya.

103. Masa dihargai, janji ditepati. (pepatah Melayu).

## **FRASA UNTUK PENDAHULUAN**

1. Sejak akhir-akhir ini....telah menjadi.....yang mendapat perhatian ramai
2. Dalam menempuh pawana globalisasi yang penuh dengan kokurensi sengit ini
3. Dalam alaf baru yang seba canggih dan moden ini
4. Isu ini hangat diperkatakan oleh masyarakat dan **meniti dari bibir ke bibir**.
5. Isu ini sering diperdebatkan oleh pelbagai pihak sama ada di warung-warung kopi atau di peringkat persidangan parlimen.
6. Isu yang semakin bermaharajalela ini tidak seharusnya dipandang enteng
7. fenomena yang sering menjadi bualan hangat
8. Saban tahun, isu lapuk ini terus dibincangkan tanpa satu solusi yang benar-benar kukuh dan berkesan
9. Persoalannya apakah resipi yang digunapakai?
10. Pada hakikatnya, ..... mendatangkan pelbagai **kemaslahatan** kepada kita semua
11. Pascakemerdekaan Malaysia telah menyaksikan pembangunan dan kemajuan negara daripada pelbagai aspek. Namun begitu, pada era ledakan teknologi maklumat yang penuh dengan pancaroba ini, **acap kali** kedengaran isu-isu
12. Sireh berlipat sireh pinang,  
Sireh dari Pulau Mutiara;  
Pemanis kata Selamat Datang  
Awal Bismillah pembuka bicara.

## **FRASA UNTUK FAKTOR/PUNCA**

1. Jika ditelusuri
2. merupakan **faktor perdana**  
kemelut ini turut dikaitkan dengan  
**Sudah terang lagi bersuluh**, .....berpunca daripada

## **FRASA UNTUK KESAN**

1. **Sudah terang lagi bersuluh**
2. Sementelahan itu pula, tidak dapat dinafikan bahawa
3. Implikasinya/impaknya
4. Rentetan itu



5.Natijahnya

6.Akibatnya

7.Ghalibnya

### **FRASA UNTUK KEPENTINGAN/FAEDAH**

**1.Sudah terang lagi bersuluh**

2.Sementelahan itu pula, tidak dapat dinafikan bahawa

### **FRASA UNTUK LANGKAH/CARA MENANGANI**

1.Persoalannya, apakah langkah drastik yang perlu diambil untuk mengatasi komplikasi ini?

2. Jawapan pertama, pastinya peranan yang dimainkan oleh .....( Cth. Pihak kerajaan – Sebagai kemudi negara, badan berwajib seharusnya bertindak tegas..)

3. Antara langkah lain yang boleh diambil ialah....

4.Langkah-langkah tersebut akan lebih berkesan sekiranyaq disokong oleh tulang belakang negara iaitu rakyat sendiri.

5. Oleh sebab masalah ini semakin serius, pihak-pihak yang bertanggungjawab haruslah memberi perhatian yang khusus agar tidak berlarutan

6. .... turut memainkan peranan penting selain.....

7. Jadi, sejajar dengan ....

8. ....merupakan tapak kedua selepas.... yang boleh membina benteng pertahanan jiwa...

9. Dalam menangani fenomena.....

10. ....menjadi tunjang kejayaan dalam usaha .....

11. Sebagai.....memainkan peranan yang penting dalam menangani....

12.Setiap masalah pasti ada jalan penyelesaiannya

17. Selain itu, selaku tunjang utama....haruslah membuka mata.

18.Peribahasa” sebesar rumah, bermula dengan seketul bata” mengajar kita bertindak sejak akar umbi lagi.....

19.....juga merupakan alternatif dalam usaha.....

20. merupakan hospital yang paling anggun bagi.....

21.Salah satu alternatif

22.Penawar mujarab

23.merupakan **mekanisme** terbaik

24.Sebagai langkah proaktif

25.merupakan **wahana yang cukup ampuh**

- 26. merupakan satu langkah komprehensif
- 27. mengambil langkah proaktif menyusun strategi
- 28. Pelan tindakan yang sesuai dan bersinergi perlu dirancang
- 29. Dalam usaha membendung
- 30. Langkah efektif harus diambil untuk
- 31. Salah satu modus operandi
- 32. Sudah terang lagi bersuluh**
- 33. penawar yang paling mujarab**
- 34. mengatur strategi dan **prakarsa**

#### **FRASA UNTUK AYAT HURAIAN**

- 1. Hal ini dikatakan demikian kerana (why/mengapa---menyatakan sebab)
- 2. Bertitik tolak daripada manifestasi itu( what/apa....menyatakan tindakan)
- 3. Impaknya (menyatakan kesan daripada tindakan).....anak-anak/remaja/saya/masyarakat.  
(who/siapa)

#### **FRASA UNTUK AYAT PENEGAS**

- 1. Hakikatnya,
- 2. Ironinya,
- 3. Izhar
- 4. Tuntasnya
- 5. Pendek kata
- .6. Nyatalah bahawa, tindakan drastik daripada.....mampu menamatkan konflik yang menghantui
- .6. Pendek kata, usaha .....tidak akan tercapai tanpa sokongan padu dan komitmen penuh segenap lapisan masyarakat, bak kata pepatah' tepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi'
- 7. Realitinya, ..... merupakan instrumen yang paling efektif
- 8. Jadi, tepuklah dada tanya selera,
- 9. Tuntasnya, hospital yang paling anggun bagi merawat

#### **FRASA UNTUK MENYATAKAN BUKTI**

- 1. Bukti yang konklusif
- 2. Mengikut kajian
- 3. Dalam satu kajian yang dijalankan

4. Bukti yang relevan

#### FRASA UNTUK BAHAGIAN PENUTUP

1. Konklusinya,.....merupakan tanggungjawab setiap rakyat. Kita sepatutnya berkerjasama untuk.....dan mengemudi negara kita ke arah yang lebih cemerlang, gemilang, dan terbilang di persada dunia bak kata pepatah. 'bersatu teguh bercerai roboh'
2. Kesimpulannya, pemangkin kepada kejayaan.....adalah hasil kerjasama dan usaha gigih daripada
3. Kesimpulannya, marilah kita renungi beberapa peribahasa Melayu yang menggalakkan kita untuk bersatu padu. Antaranya termasuklah "ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni", "hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah", "seperti aur dengan tebing", "berat sama dipikul, ringan sama dijinjing" dan banyak lagi. Jadi, untuk membendung .....di negara ini. Maka sumbangan dan peranan semua pihak adalah penting
4. bak kata peribahasa sediakan payung sebelum hujan.
5. mengambil pendekatan **bagai** menarik rambut dalam tepung, rambut tak putus, tepung tak berselerak
6. bak kata peribahasa berunding cerdik dengan pandai, faham dua menjadi satu
7. terus menjadi ancaman **seperti api dalam sekam**
8. Di mana ada kemahuan di situ ada jalan
9. Sikap 'melepaskan batuk ditangga' harus dikikis
10. Sudah tiba masanya untuk kita tidak menuding jari kepada sesiapa.
11. Kita seharusnya berganding bahu
12. mengambil langkah sederap
13. mampu mengadunkan satu kombinasi usaha yang cukup padu
14. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk berganding bahu, memimpin tangan dan bersatu padu.....
15. Konklusinya, pembabitan pelbagai pihak
16. Menerusi usaha bersepadu daripada pelbagai pihak..
17. resipi dan ramuan yang diadun mesra
18. Usaha yang istiqamah, proaktif, dan pragmatik memerlukan iltizam dan komitmen semua pihak.
19. **Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.**
20. **Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan**

## 100 MAKSUD DAN MAKNA PERIBAHASA MELAYU DAHULU

Peribahasa melayu dahulu begitu mendalam akan maksudnya. Tidak keterlaluan jika dikatakan sebahagian kita dihari ini sudah tidak mengetahui akan maksudnya. Berikut sedikit perkongsian peribahasa melayu dahulu :

1. *Kata yang benar ditidakkan, rahmat Tuhan dilarikan* maksud peribahasa tidak mahu mengakui kebenaran;
2. *Elok kata dlm muafakat, buruk kata di luar muafakat* maksud peribahasa kalau hendak berbuat sesuatu, eloklah dirundingkan dgn kaum keluarga supaya pekerjaan itu selamat;
3. *Mengalih kain ke balik rumah, mengalih kata ke hadapan* maksud peribahasa memungkiri janji dgn tiba-tiba
4. *Katak di bawah tempurung* maksud peribahasa orang yg teramat picik pengetahuannya;
5. *Katak ditimpa kemarau* maksud peribahasa berkeluh-kesah dgn tidak keruan;
6. *Katak hendak jadi lembu* maksud peribahasa ingin melakukan sesuatu yg melebihi kesanggupan sendiri, hendak menyamai orang besar (orang kaya dsb);
7. *Alim bagai katak tepi air* maksud peribahasa orang yg kaya ilmu tetapi tidak mendapat faedah drpd ilmunya;
8. *Bagaimana hari tak hujan, katak betung dlm telaga berteriak selalu* maksud peribahasa orang yg selalu pergi ke rumah seseorang dgn tidak berketika dan dgn maksud yg tersembunyi;
9. *Laksana katak , sedikit hujan banyak bermain* maksud peribahasa orang yg suka membesar-besarkan perkara yg kecil;
10. *Tak akan ada katak beranak ular* maksud peribahasa a) dikatakan mengenai yg mustahil terjadi kpd seseorang; b) orang yg pengecut (bodoh) tidak akan menjadi orang berani (pandai);
11. *Terkilap-kilap bagai katak disemburi* maksud peribahasa tentang orang yg diam sahaja dlm suatu perbincangan;
12. *Tiada akan licin katak puru, jika sentiasa berhujan sekalipun* maksud peribahasa orang yg hodoh jika memakai perhiasan sekalipun tidak akan menjadi elok.

13. *Sekati sama berat, diuji sama merah* maksud peribahasa sama tinggi darjatnya;
14. *Hidup tidak kerana kaul, mati tidak kerana sumpah* maksud peribahasa hidup mati terletak di tangan Tuhan
15. *Kaut laba dgn siku maksud* peribahasa sentiasa hendak beroleh untung banyak;
16. *Umpama burung tumpang beramai dgn kawan banyak* maksud peribahasa perihal orang dagang yang tidak sungguh dan tidak tetap hatinya di negeri orang.
17. *Sungguh kawat yang dibentuk, ikan ditebat yg diadang* maksud peribahasa tipu muslihat yang tersembunyi utk mencari keuntungan diri sendiri;
18. *Hendak kaya berdikit-dikit, hendak tuah bertabur urai, hendak berani berlawan ramai* maksud peribahasa hemat itulah titian kaya dan murah itulah titian tuah serta banyak lawan itu mendatangkan berani;
19. *Kalau ibu kaya, anak jadi puteri, kalau anak kaya, ibu jadi budak* maksud peribahasa perihal perbezaan antara kesayangan ibu dgn kesayangan anak;
20. *Orang baru kaya jangan dihutangi, orang lepas nikah jangan ditandangi* maksud peribahasa sia-sialah mengerjakan perbuatan yg tidak mendatangkan faedah;
21. *Orang kaya suka dimakan, orang elok (muda) selendang dunia* maksud peribahasa orang hartawan yg selalu dermawan, orang muda adalah perhiasan dunia (utk puji-pujian);
22. *Tak kaya oleh emas pembawa, tak gadis oleh kain berselang* maksud peribahasa hendaklah berusaha sendiri utk mencapai kemuliaan dlm hidup dan janganlah mengharapkan bantuan orang;
23. *Kayu besar di tengah padang, tempat bernaung kepanasan, tempat berlindung kehujan* maksud peribahasa pemimpin yg menjadi tempat rakyat mengadu nasibnya;
24. *Kayu bongkok kura-kura pun boleh memanjat* maksud peribahasa kalau orang itu sudah bersalah ada sahaja yg menambah-nambah kesalahannya;
25. *Kayu dikatakan batu, langit hendak dicapai dgn tangan* maksud peribahasa orang yg tidak sempurna akal fikirannya;
26. *Kayu yg banyak akarnya tak takutkan ribut = kayu yg berakar tunjang tak endahkan ribut = jikalau sepohon kayu banyak akarnya lagi teguh, apakah ditakutkan ribut* maksud peribahasa orang yg banyak kawan tidak takut akan susah;
27. *Bagai kayu lempung ditebuk kumbang tembus-menembus* maksud peribahasa orang yg lemah mudah dianiayai oleh orang yg berkuasa;

28. *Besar kayu besar dahannya = gedang kayu gedang dahannya* maksud peribahasa apabila banyak penghasilan, besar pula perbelanjaannya;
29. *Dimana kayu bengkok, di sanalah musang meniti* maksud peribahasa tempat yg tidak dijaga baik-baik itulah yg dimasuki pencuri;
30. *Kalau sama tinggi kayu di rimba, di mana angin akan lalu* maksud peribahasa kalau sekalian manusia sama pangkat dan darjatnya nescaya tidak ada pekerjaan yg akan menjadi;
31. *Laksana pohon kayu tidak berbuah* maksud peribahasa ilmu yg tidak diamalkan tidak berguna;
32. *Seberat-berat kayu terapung juga dalam air* maksud peribahasa fikiran seseorang itu biar bagaimana teguhnya dapat juga dihasut;
33. *Tak kayu jenjang dikeping* maksud peribahasa dlm keadaan yg serba sukar, segala apa pun dibuat utk mencapai maksud;
34. umpama kayu buruk, buruk dek panas, reput dek hujan maksud peribahasa nasib malang yg tidak dapat dielakkan lagi;
35. *Umpama kayu lempung, belum ditolak condong sendiri* maksud peribahasa orang yg bodoh dan penakut mudah menurut kehendak orang lain;
36. *Kayuh sambil bertimba (ke hilir)* maksud peribahasa dapat menyelesaikan dua tiga pekerjaan serentak;
37. *Malu bertanya sesat jalan, malu kayuh perahu hanyut* maksud peribahasa kalau tidak berusaha, tentulah susah dan kalau segan bertanya, akan membuat kesilapan;
38. *Kebat erat membuhul mati* maksud peribahasa menetapkan sesuatu aturan atau perjanjian yg tidak dapat diubah lagi;
39. *Kebat erat-erat membuhul mati-mati maksud* peribahasa membuat perjanjian hendaklah dgn sempurna;
40. *Kebat sekebat erat, melangkah selangkah sampai, berkata sepatah sedang* maksud peribahasa orang yg tetap pendiriannya
41. *Kecambah kayu ara takkan jadi pulut-pulut* maksud peribahasa orang yg berani tidak akan menjadi penakut (orang besar tidak akan hilang kekuasaannya)
42. *Kecek anak Melaka* maksud peribahasa gayanya spt orang yg berada padahal serba kekurangan (cakap tinggi tetapi tidak berisi);

43. *Kecek bagai bunyi merendang kacang* maksud peribahasa percakapan yg tidak keruan;
44. *Kecek bagai ketiak ular* maksud peribahasa percakapan yg tidak berkeputusan (berpanjang-panjangan);
45. *Kecek berlauk-lauk, makan dgn sambal lada* maksud peribahasa, Mn selalu menyombongkan kepandaiannya (kekayaannya dll) padahal bodoh (miskin dll)
46. *Kecil jangan (tak boleh) disangka anak, besar jangan (tak boleh) disangka bapa* maksud peribahasa pengetahuan dan kelebihan itu tidak khusus pd orang-orang tua sahaja (selalu juga ada pd orang-orang muda);
47. *Kecil teranja-anja, besar terbawa-bawa, sudah tua terubah tidak* maksud peribahasa kebiasaan semasa kecil menjadi tabiat yg sukar diubah apabila telah dewasa
48. *Kecong-kecoh bertimbang ciak* maksud peribahasa setiap dakwaan hendaklah didasarkan pd bukti-bukti yg cukup;
49. *Kecubung berulam ganja* maksud peribahasa sama-sama jahat;
50. *Menggetil puncak kedal orang* maksud peribahasa menyakiti hati orang dgn sindiran atau perbuatan
51. *Laksana kedidi, di mana pantai terjengget-jengget (tercunggit-cunggit)* maksud peribahasa orang yg sentiasa tidak tetap kelakuannya
52. *Putih dikejar, hitam tak dapat = yg dikandung (dikendong) berciciran, yg dikejar tiada dapat* maksud peribahasa keuntungan dll yg diharapkan tidak diperoleh sedangkan keuntungan dll yg di dlm tangan habis hilang;
53. *Membuat baik tiada dipuji, membuat jahat tiada dikeji* maksud peribahasa mementingkan diri sendiri semata-mata dan tidak menghiraukan orang lain;
54. *Tidak kekal bunga dikarang* maksud peribahasa perihal kekayaan (kemuliaan, kasih) yg tidak lama wujudnya;
55. *Kelahi di ekor alahan* maksud peribahasa memperdebatkan perkara kecil atau perkara yg sudah selesai;
56. *Kelahi dalam mimpi* maksud peribahasa a) tiba-tiba bersikap spt orang telah berkelahi; b) bersusah payah dgn sesia sahaja;
57. *Kelahi dengan orang tak berambut* maksud peribahasa berkelahi (berselisihan) dgn orang yg rendah tarafnya atau kurang sempurna akalinya;

58. *Bagai kelahi dlm kapuk (kepek)* maksud peribahasa perihal sesuatu perkara yg tidak mudah diselesaikan;

59. *Kelam disigi, lekung ditinjau* maksud peribahasa sesuatu yg kurang jelas hendaklah diselidiki dgn saksama;

60. *Seperti kelapa ditebuk tupai* maksud peribahasa gadis yg telah hilang daranya (gadis yg ternoda).

61. *Kelekati memanjat peran, sebelum mati belum jeran* maksud peribahasa terlalu gemarkan sesuatu hingga sanggup membahayakan (membinasakan) diri

62. *Kelekatu hendak terbang ke langit* maksud peribahasa berkehendakkan atau mengerjakan sesuatu yg tidak mungkin berhasil;

63. *Seperti kelekatu masuk api, tidak tahukan mati lakunya* maksud peribahasa umpama orang yg cintakan sesuatu hingga tidak menghiraukan bahaya;

64. *Di mana kelentung berbunyi, di situ kerbau tinggal diam* maksud peribahasa di mana ada pemerintahan yg baik, di situ rakyat tinggal tetap dan berbahagia.

65. *Seperti keli dua selubang* maksud peribahasa seorang perempuan yg mempunyai dua orang kekasih.

66. *Tidak kelih mau tengok* maksud peribahasa mahukan hasil (faedah) tetapi tidak mahu berikhtiar utk mendapatkannya

67. *Jahit sudah, kelindan putus* maksud peribahasa selesai semuanya;

68. *Lalu penjahit, lalu kelindan* maksud peribahasa apabila berhasil usaha yg mula-mula usaha yg berikut pun akan berhasil juga.

69. *Tak kelipat perut* maksud peribahasa tidak boleh menyembunyikan sesuatu atau menyimpan rahsia.

70. *Seperti kelopak pandan maksud* peribahasa menyatakan kecantikan (keelokan) tubuh dsb seseorang perempuan:

71. *Betisnya seperti kelopak pandan, lehernya seperti gambar dilarik; tinggal kelopak salak* maksud peribahasa habis segala harta (kerana kecurian dsb atau kerugian dlm perniagaan)

72. *Bagai jawi ditarik keluan* maksud peribahasa menurut sahaja semuanya;

73. *Menjilat keluan bagai kerbau* maksud peribahasa sangat kecewa (kerana tidak



tercapai yg diharapkan);

74. *Putus tali putus keluan, putus keluan rampung hidung* maksud peribahasa perhubungan persaudaraan (kekeluargaan) yg telah putus sama sekali (kerana perselisihan);

75. *Bagai keluan bebar petang* maksud peribahasa berkerumun (berhimpun) beramai-ramai.

76. *Keluh(-kesah) tidur di kasur, berkeruh di lapik penjemuran* maksud peribahasa Mn kemewahan (kemuliaan) tidak sentiasa mendatangkan kebahagiaan manakala kemiskinan ada kalanya memberi kesenangan;

77. *Salangkan (sedangkan) bah kapar tak hanyut, inikan pula kemarau panjang* maksud peribahasa a) sedangkan waktu muda sudah malas, apatah lagi waktu tua; b) sedang waktu makmur tidak senang, apa lagi waktu susah.

78. *Apakah gunanya kemenyan sebesar tungku kalau tidak dibakar = ~ sebesar lutut, jika tidak dibakar manakan berbau* maksud peribahasa tidak ada gunanya ilmu pengetahuan yg disimpan sahaja dan tidak diajarkan kpd orang lain;

79. *Gaharu dibakar, kemenyan berbau* maksud peribahasa memperlihatkan kelebihan supaya dipercayai orang

80. *Patah kemudi dengan ebamnya* maksud peribahasa tidak ada harapan lagi;

81. *Kena batang hidung sendiri* maksud peribahasa menimpa diri sendiri (bencana, keaiban, kesusahan, dll);

82. *Kena-kena spt santan bergula, tak kena-kena bagi antan pukul kepala* maksud peribahasa sesuatu perbuatan (perkataan) itu jika bersalahan tafsirannya, jadi melarat, jika benar mendatangkan kebajikan;

83. *Kalau kena tampar, biar dgn tangan yg bercincin, kalau kena tendang, biar dgn kaki yg berkasut* maksud peribahasa kalau berbantah janganlah dgn orang yg jauh lebih rendah darjatnya, kerana kalau kita menang tidak ada apa-apa keistimewaannya tetapi kalau kalah mendapat malu yg berpanjangan

84. *Kenal-kenal Cina* maksud peribahasa baru kenal (belum mesra lagi);

85. *Guru kencing berdiri anak murid kencing berlari* maksud peribahasa murid selalu mengikut kelakuan gurunya (terutama kelakuan buruknya);

86. *Orang yg kenyang, kalau dijamu dgn lauk yg sedap sekalipun, berkata tawar juga* maksud peribahasa orang yg tidak berkehendakkan pemberian kita tidak akan menghargainya sekalipun ia indah

87. *Sekepal menjadi gunung, setitik menjadi laut* maksud peribahasa a) drpd sedikit menjadi banyak; b) perkara kecil dibesar-besarkan
88. *Kepala sama berbulu (hitam), pendapat (hati) berlain-lain* maksud peribahasa manusia berlain-lainan pendapat;
89. *Diberi (di) bahu hendak (ke) kepala* maksud peribahasa diturutkan sekali sahaja kemahuannya, ia terus meminta lagi (bkn seseorang yg dimanjakan);
90. *Sakit kepala panjang rambut, patah selera banyak makan* maksud peribahasa pada lahirnya tidak suka tetapi sebenarnya suka sekali;
91. *Silap mata pecah kepala* maksud peribahasa jika tidak hati-hati tentu akan mendapat bencana;
92. *Tidak tentu kepala ekor* maksud peribahasa a) tidak tentu hujung pangkalnya; b) sangat gemuk atau tambun
93. *Umpama buah kepayang, dimakan mabuk dibuang sayang* maksud peribahasa sesuatu yg disayangi tetapi merosakkan
94. *Kepit daun kunyit* maksud peribahasa Mn memuji diri sendiri;
95. *Kepit kepala harimau* maksud peribahasa menggentak (menakut-nakutkan) orang dengan mempergunakan nama orang yg berkuasa;
96. *Kera dapat (diberi) bunga = bagi keradiberi kaca* maksud peribahasa mendapat (diberi) sesuatu yg tidak tahu (tidak dapat) dipergunakannya;
97. *Kera lotong (terlalu) makan, tupai di julai timpa perasaan* maksud peribahasa orang besar-besar yang bersuka ria, orang kecil-kecil menepilah dgn irinya;
98. *Kera menegurkan tahinya* maksud peribahasa orang yg melakukan sesuatu kesalahan itulah yg pertama sekali memperkatakannya;
99. *Kera menjadi monyet* maksud peribahasa serupa sahaja (tiada bezanya);
100. *Bagai kera dapat canggung* maksud peribahasa perihal orang yg telah ditolong mendampingi dirinya kpd orang yg menolongnya;

## **Smart Idioms**

-A hot potato

Speak of an issue (mostly current) which many people are talking about and which is usually disputed

-A penny for your thoughts

A way of asking what someone is thinking

**-Actions speak louder than words**

People's intentions can be judged better by what they do than what they say.

-Add insult to injury

To further a loss with mockery or indignity; to worsen an unfavorable situation.

-An arm and a leg

Very expensive or costly. A large amount of money.

**-At the drop of a hat**

Meaning: without any hesitation; instantly.

-Back to the drawing board

When an attempt fails and it's time to start all over.

-Ball is in your court

It is up to you to make the next decision or step

-Barking up the wrong tree

Looking in the wrong place. Accusing the wrong person

-Be glad to see the back of

Be happy when a person leaves.

-Beat around the bush

Avoiding the main topic. Not speaking directly about the issue.

-Best of both worlds

Meaning: All the advantages.

**-Best thing since sliced bread**

A good invention or innovation. A good idea or plan.

**-Bite off more than you can chew**

To take on a task that is way too big.

**-Blessing in disguise**

Something good that isn't recognized at first.

**-Burn the midnight oil**

To work late into the night, alluding to the time before electric lighting.

**-Can't judge a book by its cover**

Cannot judge something primarily on appearance.

**-Caught between two stools**

When someone finds it difficult to choose between two alternatives.

**-Costs an arm and a leg**

This idiom is used when something is very expensive.

**-Cross that bridge when you come to it**

Deal with a problem if and when it becomes necessary, not before.

**-Cry over spilt milk**

When you complain about a loss from the past.

**-Curiosity killed the cat**

Being Inquisitive can lead you into an unpleasant situation.

**-Cut corners**

When something is done badly to save money.

**-Cut the mustard [possibly derived from "cut the muster"]**

To succeed; to come up to expectations; adequate enough to compete or participate

**-Devil's Advocate**

To present a counter argument

**-Don't count your chickens before the eggs have hatched**

This idiom is used to express "Don't make plans for something that might not happen".

**-Don't give up the day job**

You are not very good at something. You could definitely not do it professionally.

**-Don't put all your eggs in one basket**

Do not put all your resources in one possibility.

*-Drastic times call for drastic measures*

When you are extremely desperate you need to take drastic actions.

**-Elvis has left the building**

The show has come to an end. It's all over.

**-Every cloud has a silver lining**

Be optimistic, even difficult times will lead to better days.

**-Far cry from**

Very different from.

**-Feel a bit under the weather**

Meaning: Feeling slightly ill.

*-Give the benefit of the doubt*

Believe someone's statement, without proof.

**-Hear it on the grapevine**

This idiom means 'to hear rumors' about something or someone.

**-Hit the nail on the head**

Do or say something exactly right

**-Hit the sack / sheets / hay**

To go to bed.

**-In the heat of the moment**

Overwhelmed by what is happening in the moment.

**-It takes two to tango**

Actions or communications need more than one person

*-Jump on the bandwagon*

Join a popular trend or activity.

*-Keep something at bay*

Keep something away.

**-Kill two birds with one stone**

This idiom means, to accomplish two different things at the same time.

**-Last straw**

The final problem in a series of problems.

**-Let sleeping dogs lie**

Meaning - do not disturb a situation as it is - since it would result in trouble or complications.

**-Let the cat out of the bag**

To share information that was previously concealed

*-Make a long story short*

Come to the point - leave out details

**-Method to my madness**

An assertion that, despite one's approach seeming random, there actually is structure to it.

*-Miss the boat*

This idiom is used to say that someone missed his or her chance

**-Not a spark of decency**

Meaning: No manners

**-Not playing with a full deck**

Someone who lacks intelligence.

**-Off one's rocker**

Crazy, demented, out of one's mind, in a confused or befuddled state of mind, senile.

**-On the ball**

When someone understands the situation well.

**-Once in a blue moon**

Meaning: Happens very rarely.

**-Picture paints a thousand words**

A visual presentation is far more descriptive than words.

### **-Piece of cake**

A job, task or other activity that is easy or simple.

### **-Put wool over other people's eyes**

This means to deceive someone into thinking well of them.

### **-See eye to eye**

This idiom is used to say that two (or more people) agree on something.

### ***-Sit on the fence***

This is used when someone does not want to choose or make a decision.

### **-Speak of the devil!**

This expression is used when the person you have just been talking about arrives.

### **-Steal someone's thunder**

To take the credit for something someone else did.

### **-Take with a grain of salt**

This means not to take what someone says too seriously.

### **-Taste of your own medicine**

Means that something happens to you, or is done to you, that you have done to someone else

### **-To hear something straight from the horse's mouth**

To hear something from the authoritative source.

### **-Whole nine yards**

Everything. All of it.

### **-Wouldn't be caught dead**

Would never like to do something

### ***-Your guess is as good as mine***

To have no idea, do not know the answer to a question